

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 26 APRIL 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1241-L12047
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi memastikan pemaju-pemaju perumahan membina lebih banyak rumah mampu milik oleh golongan berpendapatan sederhana di dalam kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang.
2. PN-1241-L12114
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah purata kos yang ditanggung oleh Kementerian bagi seorang pelatih di Pusat Serenti, jumlah pelatih Pusat Serenti di seluruh negara serta keberkesanan sistem di Pusat-pusat Serenti tersebut.
3. PN-1241-L11583
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dengan bertambahnya pembekal perkhidmatan Internet meliputi kawasan yang sama, apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan perkhidmatan Internet jalur-lebar diperluaskan ke seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja.
4. PN-1241-L11467
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang menawarkan bantuan serta khidmat guaman percuma kepada warganegara yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan mampu menegakkan kedaulatan undang-undang seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

5. PN-1241-L12170
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kebelakangan ini semakin banyak produk kesihatan dan kosmetik terdapat di pasaran atau melalui jualan langsung. Adakah Kementerian membuat pemantauan dan pemeriksaan terperinci ke atas kandungan bahan-bahan yang digunakan, kualitinya dan sukatanya mengikut peraturan, agar tidak memudaratkan kesihatan pengguna.
6. PN-1241-L11632
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kerajaan terhadap sektor import eksport sehinggakan keluar masuk barangan tidak dapat dikesan yang mungkin barangan itu tersenarai di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 yang boleh mengancam keselamatan negara.
7. PN-1241-L11443
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan apabila kajian menggunakan kaedah bioteknologi terkini menunjukkan 15 peratus produk yang dibungkus dengan kapsul gelatin diperolehi daripada sumber khinzir.
8. PN-1241-L12188
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan keputusan peperiksaan SPM 2010 baru sahaja diumumkan pada 24 Mac 2011. Secara keseluruhannya, keputusan menunjukkan peningkatan di mana 9,239 pelajar dari 467,970 atau 1.97 peratus telah mendapat A dalam kesemua mata pelajaran mereka. Apakah peratusan pelajar tingkatan 5 yang telah mendapat A atau A1 dari tahun 1970-2010 dan mengapa begitu ramai pelajar telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam beberapa tahun kebelakangan ini.
9. PN-1241-L11871
Tuan Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan program Rumah Mesra Rakyat yang dibangunkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) adakah program ini akan diperluas kepada kalangan Orang Asli yang berkelayakan.
10. PN-1241-L12142
Dato' Daljit Singh Dalliwal minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah bilangan pelancong yang disasarkan melawat Malaysia bagi tahun 2011 dan aktiviti-aktiviti yang ditawarkan bagi menarik pelancong ke seluruh negara.
11. PN-1241-L11784
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan yang terdiri daripada golongan miskin di luar bandar.

12. PN-1241-L11670
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian memberi geran kepada siswazah-siswazah yang berhasrat untuk menjalankan kajian atau penulisan mengenai kebudayaan, kesenian serta warisan sesuatu kaum; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan tertentu bagi mengekalkan penulisan atau warisan budaya bagi setiap kaum lebih-lebih lagi bagi suku kaum Bumiputera negeri Sarawak.
13. PN-1241-L11575
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah Kerajaan menunggu sehingga tahun 2012 bagi mengharamkan penjualan botol susu bayi polikarbonat yang didapati mengandungi bahan Bispherol A (BPA) yang boleh mengganggu sistem hormon dan tubuh bayi serta kanak-kanak.
14. PN-1241-L11523
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya PROTON membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk program F1 dan apakah kos manfaat perbelanjaan untuk program berkenaan.
15. PN-1241-L11805
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hukuman rotan akan dilaksanakan semula di sekolah-sekolah bagi mendisiplinkan pelajar-pelajar.
16. PN-1241-L11491
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah penempatan Orang Asli yang telah dikenal pasti dan diwartakan sebagai kawasan yang dilindungi dan bilakah kali terakhir undang-undang yang mengawal selia kepentingan Orang Asli ini disemak setelah banyak pelanggaran dan tingginya peratusan kegagalan pembangunan khususnya pendidikan berimbang diberikan kepada mereka.
17. PN-1241-L11723
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan positif dan negatif akibat kenaikan harga petroleum, kelapa sawit dan getah terhadap ekonomi Malaysia untuk jangkamasa pendek dan panjang.
18. PN-1241-L11750
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menangani isu pencemaran sungai yang teruk terutamanya di negeri Selangor yang mengakibatkan bekalan air terputus dan terpaksa dibuat catuan air di tempat-tempat yang terjejas.

19. PN-1241-L11576
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah universiti luar negara yang diiktiraf Kerajaan untuk program kursus perubatan mengikut negara dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan universiti-universiti ini melahirkan doktor pelatih yang cekap dan berkualiti.
20. PN-1241-L12056
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumat yang sebenar berhubung dakwaan laporan Integriti Kewangan Sedunia (GFI) mengenai berlakunya pengaliran keluar wang negara secara besar-besaran dalam tempoh tujuh ke lapan tahun berjumlah RM889 bilion sehingga menyebabkan nilai ringgit terganggu.
21. PN-1241-L12008
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak polis akan berhenti daripada menggunakan kekerasan dan gas pemedih mata dalam menyuraikan perhimpunan-perhimpunan rakyat.
22. PN-1241-L11887
Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah Sekolah Tamil yang telah dinaik taraf sebagai sekolah bantuan penuh, apakah sekolah yang terlibat dan bagaimanakah perancangan pihak Kementerian untuk menjadikan kesemua sekolah Tamil negara menjadi sekolah bantuan penuh.
23. PN-1241-L11824
Datuk Akbar bin Ali minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) *'road map'* atau pelan induk untuk melaksanakan teknologi hijau demi kemampanan kehidupan rakyat yang makmur dan sejahtera; dan
 - (b) pendirian terkini Kerajaan untuk menjana tenaga nuklear menjelang 2021 seperti mana terdapat di bawah ETP.
24. PN-1241-L11432
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kecurian kereta dan motosikal bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.
25. PN-1241-L11738
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan jangka panjang untuk mengatasi kekurangan pekerja asing yang mendatangkan banyak masalah kepada industri di Malaysia.

26. PN-1241-L11978
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung aduan sebidang tanah di Johor Bahru yang didakwa dijual jauh lebih mahal daripada harga pasaran kepada Kementerian Kesihatan yang melibatkan bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek.
27. PN-1241-L12103
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai satu sistem mengawal selia pusat berhubung dengan segala aspek pembelajaran, pelajar-pelajar serta infrastruktur dan tenaga pengajar di semua sekolah-sekolah Kerajaan di negara ini sepertimana yang dilihat di Korea yang dikendalikan secara online.
28. PN-1241-L11655
Datuk Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapakah tidak dibuat satu rang undang-undang untuk mendaftar semua pelajar dan pekerja Malaysia yang berada di luar negara demi untuk kemudahan semasa tragedi di negara-negara yang diduduki.
29. PN-1241-L11408
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional keengganan berterusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menggunakan dakwat kekal semasa pilihan raya dan apakah inisiatif SPR untuk mengatasi masalah yang menghalang pelaksanaan penggunaan dakwat kekal bagi mengatasi pengundian berganda semasa pilihan raya.
30. PN-1241-L11753
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pesakit jantung bagi setiap negeri-negeri di Malaysia.
31. PN-1241-L11896
Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan kefasihan bertutur di dalam Bahasa Inggeris di kalangan para penjawat awam terutamanya di kalangan pegawai-pegawai muda yang kebanyakannya lepasan universiti.
32. PN-1241-L11841
Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan belia lepasan sekolah yang menganggur bagi kategori berumur di bawah 25 dan di atas 25 tahun, serta pelan tindakan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga kerja di kalangan belia.
33. PN-1241-L11407
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini siasatan penyelewengan yang berlaku seperti disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2009. Berapakah orang yang telah dikenakan tindakan dan apakah tindakan-tindakan tersebut.

34. PN-1241-L12022
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah dan akan diambil supaya masalah penyelewengan seperti yang telah berlaku di Sime Darby Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Port Klang Free Zone (PKFZ) tidak akan berulang di kalangan GLC's dan Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
35. PN-1241-L12130
Dato' Daljit Singh Dalliwal minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah konkrit yang diambil bagi memastikan situasi yang menyekat di syarikat-syarikat GLC's dapat ditangani bagi memastikan pasaran yang adil dan bebas. Memandangkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan telah pun diluluskan di Parlimen, bilakah ianya dapat dilaksanakan. Pengguna di Malaysia sepatutnya mendapat faedah dari akta ini melalui penawaran harga yang lebih baik dan kualiti barang dan perkhidmatan yang lebih baik.
36. PN-1241-L11997
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang ditaja oleh Kerajaan untuk pengajian Ijazah Sarjana Muda di luar negara dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghentikan amalan menaja pelajar ke luar negara.
37. PN-1241-L11417
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota Polis Sukarelawan dan RELA (pecahan mengikut kaum dan jantina) serta peruntukan kepada Polis Sukarelawan (PVR) dan RELA mengikut negeri yang berakhir pada tahun 2010.
38. PN-1241-L11937
Datuk Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan supaya tidak ada ketirisan dan kelewatan terhadap pelaksanaan Projek Permulaan 'EPP' yang berjumlah 19 projek dan bernilai RM67 bilion, dan mampu menyediakan 35,000 peluang pekerjaan.
39. PN-1241-L11710
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan pecahnya "*property bubble*".
40. PN-1241-L12120
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap kumpulan pelajar yang terbabit merusuh di Universiti Putra Malaysia pada 23 Februari 2011 yang lalu. Apakah peranan Kementerian dan pihak universiti dalam memastikan insiden ganas seperti ini tidak berulang.

41. PN-1241-L12197
Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi mempromosikan Pesta Songkran, ia merupakan hari peralihan tahun atau tahun baru mengikut kalendar lama Siam dan disambut pada 13 April setiap tahun. Ia juga dikenali sebagai Pesta Air yang dirai begitu meriah sekali oleh masyarakat Siam seluruh dunia. Ini merupakan salah satu bentuk tarikan pelancongan baru dalam kalendar pelancongan negara.
42. PN-1241-L11488
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan langkah-langkah pendidikan dan perundangan Kementerian terhadap peningkatan kes jenayah serangan asid ke atas kaum wanita yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini yang amat membimbangkan dan menghancurkan masa depan mereka yang menjadi mangsa.
43. PN-1241-L11976
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian kolej Komuniti di dalam meningkatkan pengeluaran modal insan terlatih di dalam pelbagai kursus yang ditawarkan dan bilakah kolej tersebut akan ditubuhkan di Parlimen Rasah.
44. PN-1241-L11771
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapa dalam hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat, rakyat Malaysia memerlukan visa untuk melawat Amerika Syarikat walhal rakyat Singapura dan Brunei tergolong dalam negara-negara yang dikecualikan daripada visa.
45. PN-1241-L11763
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang berjaya meningkatkan taraf pendidikan dan prestasi pencapaian pelajar-pelajar sekolah kebangsaan.
46. PN-1241-L11975
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah hutang lapuk pelanggan-pelanggan IWK dan bilangan pelanggan yang terlibat dan adakah Kementerian berhasrat menampung kekurangan pendapatan syarikat tersebut sedangkan kos operasi terus meningkat dari tahun ke tahun.
47. PN-1241-L11898
Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai pegawai-pegawai berbangsa India yang memegang jawatan tertinggi di perkhidmatan polis (dari pangkat inspektor), tentera, kastam dan imigresen dan berikan data secara terperinci.

48. PN-1241-L12009
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan waktu persekolahan satu sesi dari jam 8 pagi hingga 4 petang bagi memenuhi waktu harian pelajar secara berkualiti selain mengelak mereka daripada terjebak dengan gejala sosial.
49. PN-1241-L11683
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan induk pembangunan wanita untuk menaikkan peratusan wakil wanita dalam politik iaitu sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Perbandaran/Daerah kepada 30 peratus.
50. PN-1241-L12049
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah kemiskinan bandar di Selangor dan sejauh manakah kejayaan program bantuan pendidikan dan latihan telah berjaya membawa golongan ini keluar daripada kemiskinan dari 2008 hingga kini.
51. PN-1241-L11843
Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pihak yang berhak dan bertanggungjawab dalam menyusun atur pembinaan, penambahan, pengalihan, penyatuan, serta urusan-urusan berkaitan rumah ibadat, dan apakah jawatankuasa rumah ibadat di negeri-negeri tertakluk kepada jawatankuasa peringkat nasional.
52. PN-1241-L11466
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan segala perjudian termasuk loteri kebajikan di negara ini sebagaimana yang diamalkan di negeri Terengganu.
53. PN-1241-L11785
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dari mana peruntukan dan jumlah perbelanjaan bagi isteri Perdana Menteri dan rombongan melawat negara Oman dan Bangladesh pada Januari 2011.
54. PN-1241-L12140
Dato' Daljit Singh Dalliwal minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bilakah projek '*Little India*' di Brickfields akan disiapkan supaya aliran lalu lintas dapat bergerak lancar.
55. PN-1241-L11653
Datuk Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masalah yang dihadapi oleh pekilang-pekilang untuk mendapatkan pekerja-pekerja asing yang terpaksa bekejar ke 3 Kementerian. Kenapakah tidak diwujudkan satu jawatankuasa dari Kementerian-kementerian yang berkenaan.

56. PN-1241-L11474
Tuan Ng Fook Heng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan kemahiran dan pengetahuan skop kerja jururawat-jururawat di semua klinik dan hospital Kerajaan.
57. PN-1241-L12081
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah rancangan-rancangan besar yang akan dimulakan oleh Kementerian dalam menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya metropolis yang selamat dan bermutu tinggi, sungai yang bersih dan landskap yang menarik menjelang 2020 melalui inisiatif *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*. Apakah faedah yang akan diperolehi oleh rakyat pelbagai kaum melalui *Greater Kuala Lumpur*.
58. PN-1241-L11644
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status indeks jenayah dalam beberapa kategori mulai tahun 2008, 2009 dan 2010. Apakah usaha atau rancangan terbaru Kerajaan untuk menurunkan lagi jenayah di negara ini sebagaimana yang terkandung dalam manifestasi NKRA ke tahap yang paling minima.
59. PN-1241-L11684
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan Talian Nur, berapa kes yang telah diterima berdasarkan deraan anak, deraan wanita, kes rogol dan lain-lain serta berapa kes yang telah berjaya diatasi atau diselesaikan.
60. PN-1241-L11444
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor terutama doktor pakar di hospital-hospital daerah di seluruh negara.
61. PN-1241-L11712
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan kamera litar tertutup (CCTV) ini sebagai satu barang kawalan bagi mengelakkan peralatan ini disalahgunakan oleh mereka yang bermotif jahat.
62. PN-1241-L11559
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menyeragam dan menyelaraskan sistem kutipan pembayaran saman oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti DBKL.

63. PN-1241-L11510
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) jumlah jualan dan jenis motosikal yang dipasang dalam negara serta tahap dan bentuk jaminan keselamatan motosikal tersebut dalam menjaga kebajikan pengguna jalan raya; dan
 - (b) bilakah kali terakhir silibus pembelajaran dan pengajaran motosikal disemak agar kaedahnya lebih sesuai dengan keadaan keselamatan jalan raya kini memandangkan penemuan MIROS kecuaiannya pengguna motosikal yang paling tinggi di jalan raya.
64. PN-1241-L12201
Tuan Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan senarai pegawai Kerajaan dari gred JUSA yang telah dipindahkan ke jawatan Kumpulan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tempoh 5 tahun terakhir kebelakangan ini. Apakah mekanisme Kerajaan untuk memastikan tidak berlaku elemen pembaziran sumber tenaga manusia, khususnya yang melibatkan bidang kepakaran mereka.
65. PN-1241-L11481
Puan Doris Brodie minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status laporan polis yang dibuat ke atas Siaran Radio Gelombang Pendek '*Radio Free Sarawak*' yang khabarnya menghasut dan membuat tohmahan terhadap pemimpin dan individu tertentu di Sarawak yang boleh menimbulkan ketidakselesaan di kalangan kaum di Sarawak.
66. PN-1241-L11914
Tan Sri Datuk Tee Hock Seng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai penambahan dan mempercepatkan kelulusan peruntukan bagi membiayai program dan projek yang memanfaatkan rakyat di kawasan Parlimen oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.
67. PN-1241-L12068
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah masih ada pihak yang tidak menghormati teguran SPB. Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen dan masih lagi membangkitkan isu-isu sensitif mempersendakan agama seperti laungan azan terus diprovokasi dalam laman internet. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan isu agama Islam lain yang ditimbulkan.
68. PN-1241-L11558
Dato' Zaitun binti Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meneruskan rancangan membina loji nuklear untuk menjana tenaga elektrik di negara ini berikutan kesan buruk sekiranya berlaku kebocoran seperti di Jepun.

69. PN-1241-L11546
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) mengapa selepas sebulan baru Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mengeluarkan kenyataan bahawa nyamuk Aedes GM telah dilepaskan di Bentong, Pahang dan nyatakan tempat pelepasan lebih spesifik, isu nyamuk GM Aedes telah menimbulkan kebimbangan dan kritikan masyarakat antarabangsa di mana rakyat sepatutnya dimaklumkan terhadap implikasi pelepasan tersebut; dan
 - (b) siapakah yang bertanggungjawab jika terjadinya kesan-kesan yang akan memudaratkan kesihatan dan alam sekitar. Walaupun IMR menyatakan bahawa nyamuk tersebut dilepaskan di kawasan tiada penduduk, namun ia bukan alasan untuk pihak Kementerian melakukannya tanpa memberikan gambaran yang jelas terutamanya kepada penduduk di kawasan Bentong.
70. PN-1241-L11524
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan bahawa pengetua sekolah dan penolong kanan (PK1) menilai guru-guru mereka secara penghargaan kepada mereka yang benar-benar layak tanpa pilih kasih; dan
 - (b) apakah pelan tindakan Kerajaan bagi memastikan bahawa sekolah-sekolah di negara ini dapat terus memiliki guru yang berkesan, profesional, cekap, dan matang.
71. PN-1241-L11636
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sepanjang 3 tahun lepas (2008, 2009, 2010) berapa jumlah kes rasuah yang diterima oleh SPRM. Dari jumlah tersebut berapakah yang telah diambil tindakan yang telah dibicarakan dan didapati bersalah, masih dalam siasatan dan dibuang kes (tidak berbasas).
72. PN-1241-L11963
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mengatasi masalah kesenjangan kelayakan dan keperluan tenaga (*mismatched*) dalam pasaran pekerjaan di negara ini.
73. PN-1241-L11765
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian dalam memantau keselamatan rakyat Malaysia dan kepentingan negara berikutan krisis global yang tidak menentu masa kini.

74. PN-1241-L12112
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini usaha pemulihan perumahan terbengkalai di negara ini melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan bilakah jangkaan usaha ini akan mencapai sasaran.
75. PN-1241-L12107
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana dasar Kerajaan dalam mengawal pemilikan hartanah oleh warga asing di negara ini yang menyumbang kepada kenaikan hartanah yang mendadak terutama di bandar-bandar besar sehingga menyebabkan warga kita terpinggir.
76. PN-1241-L11953
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status terkini usaha-usaha mendapatkan guru-guru Bahasa Inggeris dari Amerika Syarikat mengikut kaedah kerjasama Sukarelawan Pasukan Damai (*Peace Corps Volunteers*) seperti pernah dilaksanakan di negara ini kira-kira 40 tahun yang lalu.
77. PN-1241-L11650
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan dan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi keperluan tempat tinggal di beberapa bandar utama di Malaysia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (25 April, 2011)

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 6/2011) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Kementerian Kewangan] | |
| 3. | (D.R. 47/2010) | Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010. | “ |
| | | [Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air] | |
| 4. | (D.R. 43/2010) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010. | “ |
| | | [Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air] | |
| 5. | (D.R. 34/2010) | Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 | “ |
| | | [Kementerian Kesihatan] | |
| 6. | (D.R. 38/2010) | Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010 | “ |
| | | [Kementerian Pengangkutan] | |
| 7. | (D.R. 39/2010) | Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 | “ |
| | | [Kementerian Pengangkutan] | |

8. (D.R. 42/2010) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010

“

[Perdana Menteri]

9. PN-1241-U12213

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB. Perdana Menteri kerana keberkesanan dan kejayaannya memimpin dan menakhodakan negara melalui transformasi berlandaskan empat tunggak utama iaitu Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan yang merangkumi 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA, Program Transformasi Ekonomi berteraskan Model Baru Ekonomi negara, dan Rancangan Malaysia Ke-10 dan ke 11 berjaya membawa perubahan dan wajah baru dalam semua bidang kehidupan. Kejayaan pimpinan YAB. Perdana Menteri juga boleh dilihat melalui pencapaian ekonomi negara yang mencatat pertumbuhan pesat ekonomi pada kadar 7.2 peratus pada tahun 2010 berbanding penguncupan 1.7 peratus pada tahun 2009. Manakala indeks Bursa Malaysia telah mencatat paras tertinggi melebihi 1570 mata. Pelaburan asing dalam sektor pembuatan juga meningkat kepada RM29.1 bilion pada tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 31.7 peratus. Adalah diramalkan pertumbuhan ekonomi pada tahun ini melebihi daripada 6 peratus. Perdagangan luar juga meningkat sebanyak 18.3 peratus kepada RM1.2 bilion berbanding RM988.2 bilion pada tahun 2009. Pimpinan beliau juga berjaya meletakkan Malaysia di tangga ke 10 dalam Laporan Daya Saing Dunia 2010 menjadikan imej negara semakin diyakini. Di bidang pelancongan, Malaysia menduduki tangga ke 9 dalam senarai Pertumbuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2009 diramal terus melonjak naik. Dari segi keselamatan Malaysia berada di tempat kedua terbaik di Asia dan 22 di dunia. Penurunan indeks jenayah sebanyak 15 peratus dan jenayah jalanan sebanyak 35 peratus pada tahun 2010 merupakan satu pencapaian memberangsangkan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri. Kemiskinan juga dapat dikurangkan daripada 44,000 ketua isi rumah miskin tegar yang dikenal pasti pada tahun 2010 kepada hanya 100 sahaja. Kadar pengangguran juga berada dalam tahap paling minima iaitu dalam lingkungan 3.5 peratus yang disifatkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sifar pengangguran (mana-mana negara yang kadar penganggurannya 4 peratus dan ke bawah adalah sifar pengangguran). Pendapatan isi per kapita berjaya diperoleh dari RM22,345 pada tahun 2007 kepada RM26,355 pada tahun 2010 dan dijangka meningkat kepada RM27,950 pada tahun 2011. Diramalkan akan melebihi RM50,000 menjelang 2020. YAB. Perdana Menteri juga berhasil memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku untuk generasi muda berumur 35 tahun ke bawah dan membina beribu-ribu unit rumah baru untuk rakyat.

Kejayaan pimpinan beliau boleh dilihat daripada hasil lawatan-lawatan keluar negara jiran, Timur Jauh, Timur Tengah, Amerika Syarikat, Eropah, Turki, Australia, Rusia dan lain-lain di mana banyak pelaburan berjaya di bawa balik di samping mengeratkan hubungan dua hala. Kejayaan pimpinan beliau juga boleh dilihat hasil dari keputusan pilihan raya kecil di 16 tempat (Parlimen dan DUN) di seluruh negara. Sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri semakin ketara, kuat dan meyakinkan. Sebenarnya kejayaan kepimpinan sangat luas dan bayak termasuk dalam bidang-bidang yang lain seperti agama, pelajaran, perpaduan, sosial, budaya, pembangunan, sains, teknologi, angkasa di samping politik, ekonomi dan pentadbiran. Sewajarnya kita merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB. Perdana Menteri yang berjaya melakukan perubahan, pembaharuan dan kejayaan seperti yang kita nikmati sekarang di bawah ilham besar beliau iaitu 1Malaysia, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan. YAB. Perdana Menteri, kami bersyukur atas nikmat kemakmuran, keselamatan dan keamanan yang dikecap selama ini. Kami yakin Malaysia berada di landasan yang betul untuk memenuhi hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Selamat memimpin dan menakhodakan negara.”

[Perdana Menteri]

10. PN-1241-U12214

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya Majlis Amanah Rakyat (MARA) diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri agar agenda memartabatkan dan memperkasakan masyarakat peribumi menjadi lebih berkesan, efisien dan pantas dalam mencapai matlamat penubuhannya. Ianya juga selaras dengan YAB . Perdana Menteri dalam usaha mengadakan Pelan Transformasi Kerajaan (PTK) dan Pelan Transformasi Ekonomi (PTE) dalam melahirkan profesional, cerdik pandai, usahawan dan menengah Bumiputera yang masih ketinggalan di belakang. Transformasi ini juga mempermudah MARA membawa suara hati masyarakat Melayu secara langsung ke pengetahuan pemimpin nombor satu negara demi menjamin MARA kekal relevan pada masa hadapan. Transformasi ini juga mengharapakan peranan dan fungsi MARA akan berubah bukan hanya terhadap kepada memberi pinjaman dan memilih pelajar-pelajar yang cerdik cemerlang sahaja bagi meneruskan pelajaran mereka di MRSM dan kolej-kolej MARA TETAPI bergerak dalam skop yang lebih luas dan besar sebagaimana matlamat asal penubuhannya dalam tahun 1966 (RIDA) terutama dalam melahirkan usahawan-usahawan yang lebih berjaya walaupun telah sekian lama namun adalah disedari bahawa peranan MARA dalam melahirkan usahawan-usahawan dan pengilang masih di tahap yang sangat minima dan rendah. Boleh dikatakan MARA masih gagal melahirkan usahawan bertaraf jutawan.

Justeru itu, MARA perlu di transformasi kembali, fungsi dan peranan, bidang kuasa, dasar dan hala tuju, peruntukan kewangan, cara dan pendekatannya perlu dirombak atau diubah suai supaya lebih dapat memenuhi keperluan semasa bersifat kontemporari, berdaya saing, dinamik, global dan mampu bersaing dalam kaum-kaum lain serta mempercepat pencapaian Model Baru Ekonomi. Sebagai kesimpulannya, MARA sewajarnya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dipantau secara terus oleh YAB. Perdana Menteri sesuai dengan peruntukan Perlembagaan negara Fasa 152 & 153 yang menegaskan orang Melayu diberi hak dan kedudukan yang sewajarnya dalam bidang pelajaran dan keusahawanan.

[Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

11. PN-1241-U12215

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah menulis sebuah buku bertajuk "A Doctor in the House: The Memoir of Tun Dr. Mahathir Mohamad". Buku ini amat penting dan bernilai untuk tatapan umum mengenai Tun Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang banyak berjasa serta mencorakkan negara selama 22 tahun. Buku ini juga mengandungi nilai sejarah yang amat penting di samping pembaca juga dapat memperoleh pengajaran dan iktibar amat berharga. Ia amat sesuai dibaca dan dihayati oleh semua orang terutamanya ahli-ahli politik dan mereka yang bercita-cita untuk menjadi pemimpin negara. Tulisan Tun Mahathir dalam buku ini membuka rahsia bagaimana beliau membangunkan negara dan mengatasi masalah di samping beberapa tindakan berani dan tegasnya yang telah mampu menyelamatkan rakyat dan negara. Kemunculan buku ini boleh dianggap sebagai satu khazanah ilmu yang amat bernilai sebagai bahan rujukan penting dan bersifat kontemporari dalam sejarah Malaysia baik di masa dulu ataupun akan datang. Saya menganjurkan buku ini dijadikan sebagai teks utama untuk pelajar-pelajar kolej dan universiti dalam beberapa disiplin pengajian yang tertentu. Tahniah dan syabas Tun Dr. Mahathir Mohamad."

[Menteri Pengajian Tinggi]

12. PN-1241-U12216

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, syabas dan penghargaan kepada Kelab Putera Malaysia atas keprihatinan dan caknanya menghantar pelbagai misi bantuan ke serata dunia bagi membantu masyarakat tempatan dan antarabangsa yang ditimpa musibah, kemalangan, penderitaan dan penganiayaan.

Antaranya ialah Misi bantuan terhadap rakyat Malaysia yang diculik dan dilarikan oleh warga asing ke negara sindiket-sindiket penyeludupan dadah; Misi bantuan mangsa-mangsa banjir dalam negara; Misi bantuan kemanusiaan terhadap mangsa-mangsa Tsunami di Aceh, Indonesia; Misi bantuan dan kemanusiaan terhadap mangsa-mangsa gempa bumi rakyat Padang, Sumatera, Indonesia; Misi kemanusiaan banjir di Queensland, Australia; Misi kemanusiaan banjir di Pakistan; Misi bantuan kemanusiaan terhadap rakyat Palestin di Gaza; Misi kemanusiaan terhadap rakyat Malaysia dan tempatan akibat gempa bumi di New Zealand; Misi menyelamatkan pelajar dan rakyat Malaysia di Mesir (Ops Pyramid); Misi bantuan kemanusiaan ke Jepun dan lain-lain bantuan dan pertolongan. Walaupun misi-misi ini dilaksanakan oleh satu badan yang bersifat NGO, tetapi secara langsung ia dapat mewakili dan mencerminkan sifat keprihatinan dan kemanusiaan yang baik lagi mulia dari rakyat keseluruhannya. Sesungguhnya sikap dan amalan Kelab Putera adalah satu model golongan muda yang perlu diteruskan, disokong dan diperkasakan. Saya mengesyorkan Kelab Putera Malaysia dapat menerbitkan majalah, buku, video dan filem mengenai usaha-usaha murni yang telah dijalankan agar menjadi ikutan kepada generasi akan datang. Tahniah dan syabas."

[Perdana Menteri]

13. PN-1241-U11563

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan satu Kerajaan yang telus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

[Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

14. PN-1241-U11564
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relations Act) bagi menyingkirkan diskriminasi perkauman di sektor awam, swasta, di dalam bidang pelajaran di peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan tender Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri dan Kerajaan tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosikan perhubungan perkauman yang baik dan sihat antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat GLC Kerajaan dan institut pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program *race equality* yang berdasarkan merit dalam semua aspek pekerjaan terutamanya dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promosi, latihan dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implikasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.14	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Program “ Early Harvest” dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Asean dan China) (Pindaan) 2010 P.U(A) 434 / 2010	26 April 2011
ST.15	Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Program “ Early Harvest” dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Asean dan China) (Pindaan) 2011 P.U(A) 64 / 2011	26 April 2011
ST.16	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975 Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2010 P.U(A) 411 / 2010	26 April 2011